

BERITA HARIAN, SABTU, 16 JULAI, 1983

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## ***Kerajaan alu-alukan fikiran tiap golongan***

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan sentiasa mengalu-alukan fikiran dan pendapat setiap golongan rakyat yang dapat membantunya membaiki dasar atau dalam melaksanakan dasar-dasarnya.

"Kerajaan sedia menerima pandangan daripada rakyat, walau pun ia suatu kritikan. Yang kita harapkan benar ialah biarlah kritik-kritik itu

membina. Jikalau kita kata sesuatu itu kurang baik, kita mestilah bersedia memberikan alternatifnya, suatu pilihan yang lain," tegasnya.

Perdana Menteri menyentuh soal ini waktu menjawab soalan dalam temuramah khas dengannya di sini bahawa beliau tidak menerima baik kritikan daripada golongan tertentu terhadap dasar, seperti persyarikatan Malaysia dan kereta Malaysia.